

Kos baik pulih RM5.1 juta, dijangka siap dalam enam bulan ✓

Tapak sampah jadi kawasan hijau

Oleh AZIAN AZIZ

kota@utusan.com.my

SHAH ALAM 24 Nov. – Tapak tanah pelupusan haram di Kampung Sungai Kertas, Gombak yang runtuh sehingga menyebabkan kerosakan dua ladang ternakan lembu pada 23 September lalu kini sedang dibaik pulih untuk dijadikan kawasan hijau.

Kerja-kerja membaik pulih yang menelan belanja RM5.1 juta itu dilakukan oleh Syarikat Worldwide Holdings Berhad (Worldwide) atas arahan kerajaan negeri dan telah bermula sejak tiga minggu lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide, Norazlina Zakaria, kerja-kerja membaik pulih selama enam bulan itu melibatkan 3.2 hektar tanah di kawasan tapak pelupusan haram tersebut.

“Kerajaan negeri telah menutup kawasan itu dan kita akan melakukan kerja baik pulih bagi menjadikan ia sebagai kawasan yang selamat.

“Antara kerja baik pulih yang akan dilakukan ialah menambak tanah, meneutralkan gas dan merawat air kotor di kawasan berkenaan,” jelas beliau.

Beliau menyatakan demikian pada

Majlis Penyerahan Kemudahan Dewan Serbaguna, Medan Selera, Surau dan Tadika Projek Perumahan Zon 4, Subang Bestari U5 oleh Worldwide bernilai RM4.5 juta kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini hari ini.

Turut diadakan ialah penyerahan sumbangan 15 ekor lembu oleh Worldwide kepada beberapa buah surau dan badan beruniform sempena Hari Raya Aidiladha.

Majlis disempurnakan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr. Hassan Ali.

Tambah Norazlina, selepas kerja baik pulih itu selesai, pihaknya akan terus memantau kawasan tersebut selama lima tahun.

“Terpulanglah kepada kerajaan negeri sama ada untuk membangunkan tanah tersebut yang dijangka hanya dapat dilakukan selepas 20 tahun,” kata beliau.

Dalam kejadian pada 23 September lalu, sebuah empangan berhampiran dua ladang ternakan di kawasan itu pecah dan runtuh lalu menghanyutkan timbunan sampah setinggi 100 meter dari pusat pelupusan haram berkenaan sehingga memenuhi la-

dang di situ.

Kejadian itu menyebabkan lebih 300 ekor lembu dan kambing milik dua penternak di kawasan berkenaan terperangkap.

Ekoran kejadian itu, kerajaan negeri pada 30 September lalu membuat keputusan untuk mengambil alih tapak pelupusan tersebut dan seterusnya menutup kawasan itu bagi tujuan keselamatan.

Sementara ladang ternakan yang tidak mempunyai permit di kawasan tersebut dipindahkan ke Taman Orkid Antarabangsa di Serendah dekat sini.